

Mahasiswa UTHM bimbang pelajar SMK Tun Ismail

BATU PAHAT 28 April – Pusat Pendidikan Berterusan (CEC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) baru-baru ini menganjurkan Bengkel Kemahiran dan Origami membabitkan 120 pelajar sekolah baru-baru ini.

Program melibatkan kumpulan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Ismail di Parit Raja itu dianjurkan dengan kerjasama Panitia Sains dan Matematik sekolah itu.

Menurut Pengarah Programnya, **Kamarul Zefrin Kaulan**, bengkel itu dikendalikan 11 pelajar peringkat

sarjana pendidikan teknikal dengan objektif sebagai pendedahan kepada pelajar berhubung cara menyelesaikan masalah, kemahiran memimpin, kerja berpasukan dan kemahiran interpersonal.

“Kita turut mengadakan pembentangan berkumpulan untuk melihat elemen-elemen itu diguna pakai bagi melihat kreativiti masing-masing,” katanya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, seorang peserta program, **Ikmal Arif Mohd. Amin**, 16, berkata, bengkel tersebut berjaya memupuk semangat kerja berpasukan kepadanya dan rakan-rakan.

“Kami akan lebih gigih dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin pelajar selepas ini selain berani menyahut cabaran,” katanya.

Bagi **Nur Sazlin Sayrina Mazlan**, 16, pula, bengkel tersebut menarik minatnya mencuba pelbagai variasi origami yang mencabar minda dan boleh menjadi aktiviti untuk mengisi masa lapang.

Tambahnya, origami juga mampu mengembangkan minda pelajar kerana teknik lipatan untuk menghasilkan pelbagai bentuk hanya dari sekeping kertas.



SEBAHAGIAN daripada peserta Bengkel Kemahiran dan Origami anjuran CEC UTHM dan Panitia Sains dan Matematik SMK Tun Ismail sempena program itu di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini. – UTUSAN/MUHAMAD AIMY AHMAD